

MTUC tanggung piket tiga bulan

BH 10 MAY 2001

PETALING JAYA Rabu -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini bersetuju menangguhkan piket pada Sabtu ini selama tiga bulan selepas mendapat jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menimbang tiga daripada tujuh tuntutan.

Presidennya, Senator Zainal Rampak, berkata MTUC memberi tempoh itu untuk memberi peluang kepada Kumpulan Wang Simpanan Wang Pekerja (KWSP) mengemas kini semula sistem pengurusan wang pencaharian menerusi syarikat perunding yang akan dilantik.

Katanya, keputusan itu dicapai sebulan selepas Majlis Tertinggi Jawatankuasa kesatuan yang mengadakan mesyuarat khas hari ini bersetuju menangguhkan piket seluruh negara pada 12 Mei ini.

Beliau berkata, tiga perkara yang mendapat pertimbangan itu adalah mengenai penswastan skim insurans anuiti, faedah kematian dan hilang upaya serta mengemas kini pengurusan wang KWSP tanpa menimbulkan keraguan mana-mana pihak.

"Dalam tempoh tiga bulan ini, MTUC akan memantau usaha

KWSP dalam menguruskan wang pencaharian, seperti yang terkan-dung dalam memorandum kepada KWSP," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat MTUC, di sini hari ini.

Zainal berkata, MTUC mahu-kan pengurusan caruman KWSP diuruskan secara dalaman dan tidak diswastakan kepada syarikat insurans atau institusi kewangan.

Katanya, MTUC berharap syarikat perunding yang akan dilantik oleh KWSP dan kerajaan akan mendapatkan pendapat serta pandangan MTUC selaras dengan memorandum yang dihantar kepada KWSP.

Katanya, KWSP juga perlu memperketatkan semula urusan pinjaman kepada pencaharian serta tidak membenarkan pencaharian mengeluarkan wang sesuka hati tanpa dikawal.

MTUC sebelum ini merancang mengadakan piket Sabtu ini di semua pejabat KWSP di seluruh negara sebagai membantah cara-cara KWSP menguruskan wang KWSP.

Semalam, Kementerian Sumber Manusia mengatakan MTUC tidak layak berpiket kerana ia bukan sebuah kesatuan sekerja.